

02/12/2003

Kurang kos rawatan HIV

KUALA LUMPUR: Penghidap HIV/Aids dijangka dapat mengurangkan separuh kos perubatan apabila Kementerian Kesihatan membenarkan pengimportan ubat anti-retroviral generik dari India.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir, berkata kos perubatan pesakit akan dapat dikurangkan kepada RM1,140 sebulan, berbanding RM2,280 bagi penggunaan ubat berjenama.

"Sejak tiga tahun lalu, kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) berjaya mengurangkan harga ubat sehingga 60 peratus. Bagaimanapun, masih ada pesakit yang tidak mampu untuk mendapatkan rawatan," katanya pada sidang media selepas melancarkan Hari Aids Sedunia 2003 di sini, semalam.